

# LAWATAN KERJA ASISTEN KETUA STAF A4, MARKAS PEMERINTAHAN OPERASI UDARA KE CAWANG MATERIEL PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3074-lawatan-kerja-asisten-ketua-staf-a4-markas-pemerintahan-operasi-udara-ke-cawang-materiel-pangkalan-udara-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3074-lawatan-kerja-asisten-ketua-staf-a4-markas-pemerintahan-operasi-udara-ke-cawang-materiel-pangkalan-udara-butterworth)

BUTTERWORTH, 22 Feb 18 - Asisten Ketua Staf A4, MPOU, YBhg Brig Jen Dato' Raja Ahmad Ikram bin Raja Othman TUDM telah mengadakan lawatan kerja ke Cawang Materiel, Pangkalan Udara Butterworth.

Ketibaan AKS A4 MPOU telah disambut oleh Pemangku Komander Pangkalan PU Butterworth, YBhg Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM dan Ketua Cawang Materiel, Lt Kol Faris bin Shamsuddin TUDM.

Dalam rangka lawatan kerja beliau telah diberi taklimat oleh Ketua Cawang Materiel dan Pegawai BFI di Bilik Mesyuarat Komplek Materiel berkenaan isu-isu semasa yang berlaku di Flait Bahan Api dan peruntukan kewangan semasa.

